

BIL.	KANDUNGAN	MUKASURAT
1.	PERKHIDMATAN E-LODGE MENT	2
2.	PENDAFTARAN PENGGUNA PORTAL MYGOVERNMENT	6
3.	PENDAFTARAN 'SUBSCRIBER' SSM	10
4.	KEPERLUAN SISTEM	12
5.	KAEDAH PEMBAYARAN	12
	SEKSYEN A : KAD KREDIT	14
	SEKSYEN B : PRABAYAR	15
	SEKSYEN C : DEBIT LANGSUNG/FINANCIAL	
	PROCESS EXCHANGE (FPX)	17
6.	PENDAFTARAN PERNIAGAAN	19
7.	PERUBAHAN MAKLUMAT PERNIAGAAN	24
8.	PENAMATAN PERNIAGAAN	30
9.	PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN	31

PERKHIDMATAN E-LODGE MENT SSM

1. Apakah perkhidmatan E-Lodgement?

Perkhidmatan E-Lodgement ialah penyerahan dokumen berkaitan dengan pendaftaran perniagaan dan syarikat dalam talian menerusi internet. Pengguna perlu melayari www.gov.my atau www.ssm.com.my bagi menggunakan perkhidmatan E-Lodgement SSM.

2. Bagaimana jika saya ingin menggunakan perkhidmatan E-Lodgement?

Anda perlu mematuhi syarat berikut:

- (i) Mendaftar sebagai pengguna portal myGovernment (*Public Service Portal User Registration -PSP*). Anda akan diberikan 'User ID' dan kata kunci (password).
- (ii) Mendaftar sebagai "*subscriber*" SSM dengan menggunakan ID dan kata kunci yang diberikan semasa mendaftar di portal PSP dan membayar "*subscription fee*" yang ditetapkan untuk tempoh setahun iaitu RM5.00 bagi e-Lodgement Perniagaan dan RM120.00 bagi e-Lodgement Syarikat.

Sekiranya anda ingin mendaftar perniagaan perkongsian, semua rakan kongsi perlu mendaftar sebagai pengguna portal myGovernment. Bagaimanapun hanya rakan kongsi yang bertanggungjawab bagi menyerah simpan dokumen sahaja dikehendaki mendaftar sebagai '*subscriber*' SSM.

3. Siapakah yang boleh menggunakan perkhidmatan E-Lodgement Perniagaan?

Bagi urusan pendaftaran perniagaan, hanya orang yang bertanggungjawab bagi suatu perniagaan (pemilik perniagaan) sahaja **dibenarkan** untuk melengkapkan borang permohonan perniagaan dan menyerahkannya menerusi e-Lodgement.

4. Bilakah waktu perkhidmatan E-Lodgement?

Perkhidmatan E-Lodgement dibuka 24 jam setiap hari (Isnin-Ahad). Bagaimanapun proses permohonan hanya dibuat dalam waktu pejabat iaitu Isnin hingga Jumaat 8.15 pagi – 8.15 malam.

5. Adakah pelanggan masih dibenarkan membuat permohonan pendaftaran perniagaan atau menyerahsimpan dokumen melalui kaunter SSM selepas perkhidmatan E-Lodgement dilancarkan?

Ya. Walaupun perkhidmatan E-Lodgement telah dilancarkan, pelanggan masih dibenarkan mengemukakan permohonan pendaftaran perniagaan dan menyerahsimpan dokumen melalui kaunter SSM.

6. Adakah kemudahan untuk menyimpan dokumen yang diserahkan melalui perkhidmatan E-Lodgement disediakan kepada pengguna?

Ya. Pengguna boleh menyimpan dokumen yang diserahkan di ruangan LamanKu dalam seksyen Transaksi Dalam TalianKu di dalam myGov.

7. Bagaimana pengguna hendak menyemak status permohonan borang yang diserahkan?

Pengguna boleh menyemak status permohonan borang yang diserahkan di ruangan **LamanKu** dalam seksyen **Transaksi Dalam TalianKu** seperti contoh berikut:

Status Permohonan:

Belum dihantar - Ertinya borang anda telah diisi dan disimpan
Dalam proses - Ertinya borang anda telah dihantar oleh myGov untuk diproses oleh SSM

8. Bagaimana pengguna hendak memuatnaik (upload) dokumen sokongan?

Pengguna hendaklah mematuhi keperluan berikut:

Format dokumen : TIF*
Saiz setiap dokumen : Tidak melebihi 1MB*
Resolusi dokumen berformat TIF : Maksima 200 Dpi*

* TIF - Tag Image File
MB - Megabyte
Dpi - Dot per inch

9. Mengapa borang yang telah diisi tidak dapat dihantar?

Borang yang telah diisi tidak dapat dihantar oleh kerana terdapat maklumat yang wajib diisi tidak dilengkapi dengan sempurna. Ini menyebabkan skrin menunjukkan pautan (link) berwarna **merah** dan tanda *****. Sila lengkapkan

semula borang (sehingga tiada lagi tanda *) dan tekan butang 'TAMAT' sebelum menghantar.

10. Bagaimanakah pembayaran bagi perkhidmatan E-Lodgement dibuat?

Bayaran perkhidmatan E-lodgement boleh dibuat dalam tiga cara iaitu:

- Kad Kredit
- Akaun Prabayar
- Debit Langsung

Sila dapatkan penerangan lanjut berkaitan dengan kaedah bayaran di Bilangan 5 Kaedah Pembayaran di muka surat 12.

11. Bagaimanakah saya hendak membeli maklumat perniagaan yang terkini?

Anda boleh membeli maklumat perniagaan terkini dalam masa 24 jam selepas pendaftaran perniagaan dibuat melalui perkhidmatan E-Info. Sila layari www.ssm.com.my atau www.gov.my. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan sila hubungi talian 1-300-30-8686 bagi keterangan lanjut.

12. Bagaimana saya hendak mendapatkan bantuan jika menghadapi masalah dengan perkhidmatan E-Lodgement?

Pihak SSM menyediakan talian hotline : **03-40476111/40476222** bagi memberikan khidmat bantuan kepada pengguna.

Waktu beroperasi Pusat Panggilan (Call Centre) SSM:


Hari	Waktu
Isnin-Jumaat	8:15 pagi - 8:15 malam
Sabtu dan Ahad	8:15 pagi - 5:15 petang
Cuti Umum	Tutup

PENDAFTARAN PENGGUNA PORTAL MYGOVERNMENT (PUBLIC SERVICE PORTAL USER REGISTRATION (PSP))

13. Bagaimanakah hendak mendaftar sebagai pengguna portal myGovernment (Public Service Portal User Registration)?

Sila layari ***www.gov.my*** bagi pendaftaran pengguna baru di portal myGovernment (Public Service Portal User Registration). Walaubagaimana pun Sila rujuk **Carta Aliran Proses Pendaftaran Akaun Pengguna Baru** di **<https://www.gov.my/MyGov/Account/NewRegFlow.aspx>**


CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN AKAUN WARGANEGARA DI PORTAL MYGOVERNMENT



PERHATIAN :

Pengaktifan melalui e-mel hanya perlu dilakukan untuk login kali pertama sahaja

CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN AKAUN PERMASTAUTIN TETAP DI PORTAL MYGOVERNMENT



PERHATIAN :

Pengaktifan melalui e-mel hanya perlu dilakukan untuk login kali pertama sahaja

14. Apakah faedah dan kelebihan mendaftar sebagai pengguna portal myGovernment?

Hanya pengguna portal myGovernment sahaja boleh mengakses perkhidmatan E-Lodgement.

Sila layari <http://www.gov.my/MyGov/BM/Registration> bagi maklumat lanjut mengenai 'Faedah dan Keistimewaan untuk Pengguna Portal myGovernment yang berdaftar'.

15. Adakah bayaran dikenakan bagi pendaftaran sebagai pengguna portal myGovernment (Public Service Portal User Registration)?

Tiada bayaran yang dikenakan bagi pendaftaran pengguna portal myGovernment (Public Service Portal User Registration).

16. Bagaimana saya hendak mendapatkan bantuan jika menghadapi masalah ketika mendaftar sebagai pengguna portal myGovernment (Public Service Portal User Registration)?

Sila klik dan isi borang '**Maklum Balas**' yang boleh didapati di bahagian atas setiap halaman.

Anda juga boleh menghubungi:-

Tel: 603-88884594/88884599/88884616

Faks: 603-88883261 atau

Emel: mygovernment@mampu.gov.my

PENDAFTARAN 'SUBSCRIBER' SSM (SSM SUBSCRIBER'S REGISTRATION)

17. Siapakah yang boleh mendaftar sebagai 'subscriber' SSM?

Warganegara Malaysia/Pemastautin Tetap yang mempunyai MyKad/MyPR sahaja boleh mendaftar sebagai 'subscriber' SSM.

18. Bagaimanakah cara untuk mendaftar sebagai 'subscriber' SSM?

Anda perlu berdaftar sebagai pengguna Portal myGovernment sebelum mendaftar sebagai 'subscriber' SSM. User ID dan kata laluan yang telah diberikan ketika mendaftar sebagai pengguna Portal myGovernment (Public Service Portal User Registration) akan juga digunakan semasa pendaftaran 'subscriber' SSM.

19. Apakah yang diperlukan untuk mendaftar sebagai 'subscriber' SSM?

ID pengguna (user ID) dan katalaluan (password) yang didaftarkan semasa pendaftaran pengguna portal MyGovernment (Public Service Portal User Registration).

20. Siapakah yang perlu mendaftar sebagai 'subscriber' SSM?

Anda perlu mendaftar sebagai 'subscriber' SSM jika anda adalah orang yang bertanggungjawab bagi menyerahkan dokumen melalui perkhidmatan E-Lodgement.

Perniagaan :

Pemilik perniagaan

Syarikat :

- (a) Individu Bagi permohonan carian nama syarikat dan Permohonan Lesen Setiausaha Syarikat
- (b) Ahli badan profesional berkanun [Seksyen 139A(a) Akta Syarikat 1965 dan orang perseorangan yang dilesenkan oleh Pendaftar [Seksyen 139A(b) Akta Syarikat 1965

21. Adakah bayaran dikenakan bagi pendaftaran sebagai 'subscriber' SSM?

Bayaran pendaftaran untuk menjadi "subscriber" SSM ialah:

- (i) bagi urusan **pendaftaran** perniagaan : RM 5.00 setahun
- (ii) bagi urusan berkaitan syarikat : RM 120.00 setahun

22. Bagaimana saya hendak mendapatkan bantuan jika menghadapi masalah ketika mendaftar sebagai 'subscriber' SSM?

Pihak SSM menyediakan talian hotline - 03-40476111/40476222 bagi memberikan khidmat bantuan kepada pengguna.

KEPERLUAN SISTEM

23. Apakah perkakasan dan perisian yang diperlukan untuk menggunakan perkhidmatan E-Lodgement?

Keperluan perkakasan dan perisian yang disyorkan ialah:

- Komputer
 - Pentium III processor ke atas
 - 256 MB of memory ke atas
 - 50 MB of hard disk space ke atas
 - 56 Kbps dial-up modem atau broadband/streamyx
- Talian internet
- Adobe Reader 4.0 ke atas
- (Reader boleh di muat turun di <http://www.adobe.com/>)
- Microsoft Internet Explorer 5.5 ke atas
- Pencetak (hitam atau warna)
- Scanner (*optional*)

KAEDAH PEMBAYARAN (PAYMENT)

24. Apakah kaedah bayaran yang disediakan bagi perkhidmatan E-Lodgement?

Perkhidmatan e-Lodgement menyediakan kemudahan bayaran seperti berikut :

- ✓ Kad Kredit (Master dan Visa sahaja)
- ✓ Akaun Prabayar/Subscriber's Prepaid System
- ✓ Debit Langsung/Financial Process Exchange (FPX)

25. Adakah caj perkhidmatan tambahan yang dikenakan jika menggunakan perkhidmatan E-Lodgement?

Tiada caj perkhidmatan tambahan yang dikenakan.

26. Bagaimana hendak mengetahui samada bayaran telah berjaya dibuat?

Bagi setiap transaksi yang berjaya, satu paparan resit rasmi akan dikeluarkan dalam portal myGovernment. Pengguna **hendaklah mencetak** resit tersebut untuk rujukan.

27. Bagaimanakah jika saya menghadapi masalah ketika membuat bayaran menggunakan Kad kredit (Visa/Master Cards), Prabayar (Prepaid) atau Debit Langsung/Financial Process Exchange (FPX)?

Anda boleh menghubungi:

Kaedah Bayaran	Agensi	No. Tel	No. Faks	E-mel
Prabayar (Prepaid)	Hotline SSM	603 -40476111 603 -40476222	603-40476337	enquiry@ssm.com.m y
Kad Kredit (Visa/Master Cards)	Bank Islam	603-2616 8181 603-2698 8008	-	-

Debit Langsung (FPX)	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	603-2616 8181 603-2698 8008	603-2698 0587	callcenter@bankislam.com.my
	Public Bank Berhad	1800-88-3323 1800-88-3318	603-2161 9307	customerservice@pub licbank.com.my
	CIMB Bank @ Bumiputra- Commerce Bank Berhad	603- 22956100 603-26931722	603-2698 6628	callcenter@bcb.com. my
	Hong Leong Bank	603-76268899 603-21665240 603-21665241	603-2715 8623	voc@hlbb.hongleong. com.my
	Maybank2e (Akaun korporat)	1300-88-7788	-	-
	RHB Bank	603-92806603 603-89242659	603-89242684	-

SEKSYEN A: KAD KREDIT

28. Adakah terdapat sebarang pra syarat untuk menggunakan kad kredit?

Tiada. Pengguna boleh terus menggunakan kad kredit dengan memasukkan no. kad, tarikh tamat dan kod securiti (yang terdapat di belakang kad).

29. Adakah semua jenis kad kredit diterima untuk pembayaran bagi urusan perkhidmatan E-Lodgement?

Hanya kad kredit **Mastercard** dan **Visa** dari mana-mana bank boleh digunakan untuk pembayaran bagi urusan perkhidmatan E-Lodgement.

30. Bilakah masa beroperasi (Service availability) bagi kad kredit?

Bayaran melalui kad kredit boleh di buat 24 jam sehari tujuh hari seminggu (24/7).

31. Bagaimana hendak meningkatkan ciri keselamatan kad kredit?

Pengguna boleh meningkatkan ciri keselamatan kad kredit dengan meningkatkan jenis kad kepada kad "3D SSL Compliance" dari bank masing-masing.

SEKSYEN B: AKAUN PRABAYAR (PREPAID ACCOUNT)

32. Bagaimana hendak membuka akaun prabayar dengan SSM?

(a)Pengguna hendaklah terlebih dahulu berdaftar sebagai pengguna portal myGovernment dan 'subscriber' SSM secara online. Pastikan anda telah membuat bayaran bagi 'subscriber' SSM secara on line.

(b)Lengkapkan **Borang Pendaftaran Akaun Prabayar**

Nota: **Borang Pendaftaran Akaun Prabayar** boleh diperolehi melalui muat turun (download) di laman web SSM atau di pejabat SSM.

(c)Hantarkan **Borang Pendaftaran Akaun Prabayar** tersebut ke kaunter SSM atau faks dan buat bayaran deposit seperti yang dikehendaki iaitu bayaran minima sebanyak RM 70.00.

33. Berapakah bayaran minima membuka akaun prabayar untuk pembayaran bagi urusan pendaftaran perniagaan?

Bayaran minima bagi membuka Akaun Prabayar bagi urusan pendaftaran perniagaan ialah sebanyak **RM 70.00**.

34. Bagaimana hendak menambah nilai akaun prabayar SSM?

Terdapat 2 cara bagi menambah nilai akaun prabayar **di mana pengguna** boleh perlu mengisi borang yang disediakan dan bayaran boleh dibuat:

- ✓ Di kaunter SSM atau
- ✓ Deposit terus ke dalam akaun **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (No. Akaun: 14153010022800 – BANK ISLAM (M) BERHAD CAWANGAN BANDAR WAWASAN)** dan faks slip bayaran beserta alamat email bersama borang ke pejabat SSM (**No. Fax: 03-40476337**).

Nota: Borang Tambah Nilai Akaun Prabayar boleh **diperolehi** melalui muat turun (*download*) di laman web SSM atau di kaunter pejabat SSM. Resit Rasmi akan dihantar melalui email (*attachment*) dan pengguna boleh mencetak sendiri resit rasmi berkenaan.

35. Berapakah nilai minima bagi menambah nilai akaun prabayar SSM?

Nilai minima adalah RM 10.00 dan tiada had maksimum.

36. Bagaimana hendak membuat sebarang perubahan kepada maklumat pemegang akaun?

Pengguna boleh membuat perubahan dengan mengisi **Borang Pendaftaran Akaun Prabayar** dan tandakan kotak '**Information Update**' melalui laman web atau di kaunter SSM.

Nota: Sebarang perubahan maklumat mengenai butir-butir peribadi pemegang akaun yang dimaklumkan melalui Borang Pendaftaran Akaun Prabayar hanya **dikemaskinikan di Modul Prabayar sahaja**. Pengguna adalah dinasihatkan memaklumkan perubahan maklumat peribadi di portal myGovernment (Rujuk: **www.gov.my** dan pilih '**Kemaskini Profil Saya**')

37. Adakah wang akan dikembalikan jika pengguna ingin menutup akaun prabayar?

Ya. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Bahagian Kewangan dan Akaun SSM.

38. Bagaimana pengguna hendak membuat semakan baki akaun prabayar?

Pengguna boleh menghubungi talian 03-40476111/40476222 (Hotline) bagi mengetahui baki akaun prabayar.

SEKSYEN C: DEBIT LANGSUNG/FINANCIAL PROCESS EXCHANGE (FPX)

39. Apakah itu bayaran secara Debit Langsung/Financial Process Exchange (FPX)?

Debit Langsung adalah proses bayaran yang di debit terus dari akaun simpanan atau akaun semasa pengguna.

40. Apakah keperluan bagi menggunakan perkhidmatan Debit Langsung/Financial Process Exchange (FPX)?

- ✓ Mempunyai akaun simpanan atau akaun semasa dengan mana-mana bank yang menyediakan perkhidmatan ini; dan
- ✓ Mendaftar untuk perbankan internet 'internet banking' (contoh pengguna bankislam.biz) atau dengan bank masing-masing.

41. Bank manakah yang menyediakan perkhidmatan Debit Langsung/Financial Process Exchange (FPX)?

(a) Bagi akaun individu:

- ✓ Bank Islam Malaysia Berhad
- ✓ CIMB Berhad
- ✓ Hong Leong Bank Berhad
- ✓ Public Bank Berhad
- ✓ Maybank Berhad (maybank2u)
- ✓ RHB Bank

(b) Bagi akaun korporat:

- ✓ Pelanggan M2e.net (Maybank Bhd) dan
- ✓ Pelanggan pbepbank.com (Public Bank Bhd)

Walaubagaimanapun bank-bank lain juga akan turut serta menawarkan kemudahan ini dari masa ke semasa.

42. Adakah pengguna dikenakan sebarang caj jika menggunakan perkhidmatan Debit Langsung/Financial Process Exchange (FPX)?

Tiada sebarang caj tambahan dikenakan.

43. Bagaimanakah cara membuat pembayaran melalui perkhidmatan Debit Langsung/Financial Process Exchange (FPX)?

Bagi membuat transaksi menggunakan perkhidmatan Debit Langsung/Financial Process Exchange (FPX), sila ikut arahan pembayaran yang dipaparkan dalam sistem.

44. Bilakah waktu beroperasi perkhidmatan Debit Langsung/Financial Process Exchange (FPX)?

Dari jam 07:00 pagi hingga 11.00 malam setiap hari. Walau bagaimanapun ia juga bergantung kepada perkhidmatan perbankan internet oleh bank masing-masing.

45. Apakah bukti pembayaran akan diberi semasa transaksi dibuat?

Resit rasmi akan dipaparkan sebaik sahaja transaksi tersebut berjaya. Anda boleh mencetak resit tersebut sebagai rujukan.

PENDAFTARAN PERNIAGAAN

46. Bilakah perkhidmatan E-Lodgement bagi perniagaan (ROB) diperkenalkan?

Perkhidmatan E-Lodgement bagi urusan perniagaan (ROB) mula diperkenalkan pada 21 Mei 2007 secara *pilot project*.

47. Apakah perkhidmatan yang ditawarkan oleh perkhidmatan E-Lodgement bagi ROB?

Perkhidmatan yang ditawarkan sama seperti perkhidmatan serahan melalui kaunter iaitu -

- (a) Carian Nama (**Borang PNA42**)
- (b) Pendaftaran Perniagaan (**Borang A**)
- (c) Pendaftaran Perubahan Perniagaan

Perubahan Alamat Perniagaan (**Borang B1**)

Perubahan Jenis Perniagaan (**Borang B2**)

Perubahan Maklumat Cawangan (**Borang B3**)

Perubahan Maklumat Pemilik/Rakan Kongsi (**Borang B4**)

(d) Pembaharuan Sijil Pendaftaran Perniagaan (**Borang A1**)

(e) Penamatan Perniagaan (**Borang C**)

48. Bagaimanakah jika saya ingin mendaftarkan perniagaan melalui perkhidmatan E-Lodgement?

Anda perlu mendaftar sebagai pengguna Portal myGovernment (Public Service Portal user) dan 'subscriber' SSM bagi membolehkan anda menyerahsimpan dokumen melalui perkhidmatan E-Lodgement.

Jika perniagaan perkongsian, setiap rakan kongsi dikehendaki mendaftar sebagai pengguna portal myGovernment (Public Service Portal user) bagi tujuan pengesahan data. Rakan kongsi yang bertanggungjawab bagi serah simpan dokumen sahaja perlu mendaftar sebagai 'subscriber' SSM.

49. Siapakah yang boleh mendaftar perniagaan?

Warganegara Malaysia dan penduduk tetap berumur 18 tahun ke atas.

50. Di manakah tempat bagi pemilik perniagaan mendaftarkan perniagaan?

Pemilik perniagaan boleh membuat permohonan pendaftaran perniagaan melalui perkhidmatan E-Lodgement atau mengemukakan sendiri permohonan pendaftaran melalui kaunter di pejabat SSM.

51. Apakah syarat-syarat kelulusan nama perniagaan?

Permohonan nama perniagaan yang tidak memenuhi syarat dibawah akan ditolak:

- Nama perniagaan tidak bersesuaian dengan jenis perniagaan yang dijalankan.
Nama yang dipohon telah digunakan oleh peniaga lain.
Menggunakan perkataan yang dikawal oleh Pendaftar.
- Nama yang tertakluk di bawah Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957.

52. Apakah prosedur memohon kelulusan nama perniagaan jika menggunakan nama sendiri?

Jika perniagaan yang menggunakan nama pemilik seperti di kad pengenalan, pemilik boleh terus memohon kepada Pendaftar Perniagaan untuk mendaftarkan perniagaan **tanpa perlu** memohon carian nama perniagaan.

** Contoh: Ali Bin Ahmad, Chan Seng Chow dan Ramasamy a/l Nagalingam*

53. Apakah prosedur memohon kelulusan nama perniagaan jika menggunakan nama dagangan (trade name)?

Pemilik hendaklah mengemukakan borang permohonan nama perniagaan (PNA 42) melalui perkhidmatan E-Lodgement atau **memperolehi** borang secara percuma daripada Seksyen Pendaftaran Perniagaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

** Contoh: ABC Enterprise, Perniagaan Muhibbah Sentosa.*

54. Berapakah nama perniagaan yang dicadangkan boleh dipohon dalam satu permohonan (Borang PNA42)?

Bagi perkhidmatan E-Lodgement, hanya 1 nama perniagaan boleh dipohon dalam satu permohonan. (Bagaimanapun anda boleh mencadangkan 3 nama

perniagaan dalam satu borang permohonan jika permohonan dibuat di kaunter SSM).

55. Berapakah bayaran permohonan kelulusan nama perniagaan (Borang PNA 42)?

Tiada bayaran yang dikenakan.

56. Berapa lama tempoh sah laku nama perniagaan yang telah diluluskan?

Tempoh sah laku nama perniagaan yang diluluskan adalah selama 30 hari.

57. Bagaimana sekiranya tempoh sah laku kelulusan nama perniagaan telah luput?

Permohonan baru kelulusan nama hendaklah dibuat jika perniagaan tidak didaftarkan selepas tamat tempoh kelulusan nama perniagaan.

58. Adakah nama perniagaan yang telah diluluskan boleh dipinda/ditambah perkataan atau huruf?

Tidak boleh.

59. Adakah kelulusan nama perniagaan boleh dipindah milik kepada orang lain?

Tidak boleh.

60. Adakah pemilik perlu menandatangani permohonan yang dibuat melalui perkhidmatan E-Lodgement?

Tiada tandatangan diperlukan tetapi pengesahan dibuat melalui user ID dan katalaluan semasa pendaftaran pengguna portal MyGovernment (Public Service Portal Registration).

61. Berapakah bayaran pendaftaran perniagaan baru?

Bayaran adalah seperti berikut:

TEMPOH SAH	PEMILIKAN TUNGGAL		PERKONGSIAN (RM)
	NAMA DIRI (RM)	NAMA TRADE (RM)	
1 TAHUN	30.00	60.00	60.00
2 TAHUN	60.00	120.00	120.00
3 TAHUN	90.00	180.00	180.00
4 TAHUN	120.00	240.00	240.00
5 TAHUN	150.00	300.00	300.00

Pendaftaran cawangan – RM 5.00 setiap cawangan

62. Berapa lama tempoh sah laku Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan baru?

Tempoh sah laku Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan baru adalah 1 tahun sehingga 5 tahun mengikut jumlah bayaran yang dibuat.

63. Bila dan bagaimana Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan dikeluarkan?

Melalui perkhidmatan E-Lodgement, Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan akan dihantar melalui e-mel sebaik sahaja perniagaan didaftarkan. Anda boleh mencetak Sijil ini di atas kertas berwarna putih dan bersaiz A4.

64. Apakah tindakan yang akan dikenakan jika gagal mendaftarkan perniagaan?

Seksyen 12 (1) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 **memperuntukkan** jika perniagaan tersebut gagal didaftarkan pemilik perniagaan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

PENDAFTARAN PERUBAHAN MAKLUMAT PERNIAGAAN

65. Bagaimana hendak mendaftarkan perubahan perniagaan?

Pemilik perniagaan boleh membuat permohonan pendaftaran perubahan perniagaan dengan mengisi borang-borang tersebut mengikut jenis perubahan yang berikut:

- Borang B1 : Perubahan Alamat Perniagaan**
- Borang B2 : Perubahan Jenis Perniagaan**
- Borang B3 : Perubahan Maklumat Cawangan**
- Borang B4 : Perubahan Maklumat Pemilik/Rakan Kongsi**

Permohonan boleh dikemukakan melalui perkhidmatan E-Lodgement atau mengemukakan sendiri permohonan pendaftaran di kaunter SSM atau serahan melalui pos.

66. Bagaimanakah cara-cara mendaftarkan Perubahan Maklumat pemilik/rakan kongsi.

- a) **Perniagaan milik tunggal yang menggunakan nama tred dan ingin menambah rakan kongsi perlu mengambil tindakan berikut:**

Kesemua pemilik perlu mengisi borang B4 jikalau membuat pertukaran dari kepunyaan tunggal ke perkongsian

Cara-cara mengisi borang adalah seperti berikut:

Pemilik 1

Pemilikan : Perkongsian

Jenis perubahan : Pertukaran pemilikan

Pemilik 2

Pemilikan : Perkongsian

Jenis perubahan : Kemasukan baru

Pemilik mestilah mendapatkan pengesahan terlebih dahulu daripada kesemua rakan kongsi sebelum

menghantar permohonan pendaftaran perubahan maklumat perniagaan.

- b) **Perniagaan perkongsian yang mempunyai 2 orang pemilik tetapi salah seorang pemilik ingin keluar dari perniagaan tersebut tindakan berikut perlu diambil:**

Kesemua pemilik perlu mengisi Borang B4

Cara-cara mengisi borang adalah seperti berikut:

Pemilik 1

Pemilikan : Kepunyaan tunggal

Jenis perubahan : Pertukaran pemilikan

Pemilik 2

Pemilikan : Perkongsian

Jenis perubahan : Tarik diri

Pemilik mestilah mendapatkan pengesahan terlebih dahulu daripada kesemua rakan kongsi sebelum menghantar permohonan pendaftaran perubahan maklumat perniagaan.

- c) **Perniagaan kepunyaan tunggal menggunakan nama tred tetapi ingin menarik diri.**

Pemilik perniagaan tidak boleh terus menarik diri dari perniagaan tersebut.

Pemilik perniagaan ini perlu membuat pertukaran pemilikan ke perkongsian. Pemilik baru perlu mengisi Borang B4

Cara-cara mengisi borang adalah seperti berikut:

Pemilik 1

Pemilikan : Perkongsian

Jenis perubahan : Pertukaran pemilikan

Pemilik 2

Pemilikan : Perkongsian

Jenis perubahan : Kemasukan baru

Pemilik mestilah mendapatkan pengesahan terlebih dahulu daripada kesemua rakan kongsi sebelum menghantar permohonan pendaftaran perubahan maklumat perniagaan.

Selepas perubahan ini di luluskan, pada hari berikutnya kedua-dua pemilik perlu mengisi semula borang B4.

Cara-cara mengisi borang adalah seperti berikut:

Pemilik 1

Pemilikan : Perkongsian

Jenis perubahan : Tarik diri

Pemilik 2

Pemilikan : Kepunyaan tunggal

Jenis perubahan : Pertukaran pemilikan

Pemilik mestilah mendapatkan pengesahan terlebih dahulu daripada kesemua rakan kongsi sebelum menghantar permohonan pendaftaran perubahan maklumat perniagaan.

- d) Perniagaan perkongsian yang mempunyai lebih dari 3 orang pemilik tetapi salah seorang sahaja yang ingin menarik diri.**

Cara-cara mengisi borang adalah seperti berikut:

Pemilik 1

Pemilikan : Perkongsian

Jenis perubahan : Tarik diri

Pemilik yang lain tidak perlu memfailkan Borang B4 sekiranya tiada apa-apa perubahan. Tetapi tidak menjadi kesalahan sekiranya kesemua pemilik tersebut ingin memfailkan Borang B4.

Pemilik mestilah mendapatkan pengesahan terlebih dahulu daripada kesemua rakan kongsi sebelum menghantar permohonan pendaftaran perubahan maklumat perniagaan.

67. Adakah semua pemilik perlu membuat pengesahan untuk semua perubahan?

Ya. Semua rakan kongsi perlu mendaftar sebagai pengguna Portal myGovernment bagi membolehkan setiap rakan kongsi menerima e-mel pengesahan.

68. Bolehkah lebih daripada satu perubahan dibuat didalam satu permohonan?

Ya, boleh.

69. Berapakah bayaran yang dikenakan bagi setiap permohonan perubahan perniagaan?

Setiap permohonan perubahan perniagaan dikenakan bayaran seperti berikut:

Bayaran bagi pendaftaran Borang B	- RM 20.00
Pendaftaran menambah cawangan	- RM 5.00 setiap cawangan

70. Apakah tindakan yang akan dikenakan jika tidak mendaftarkan perubahan perniagaan?

Melakukan kesalahan **di bawah** kaedah 17A(1)(b), Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957 pemilik perniagaan dikenakan denda **di bawah** Seksyen 12A tidak melebihi RM 10,000 atau **dipenjarakan** tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.

PENAMATAN PERNIAGAAN

71. Bagaimana jika pemilik perniagaan telah meninggal dunia?

Menurut Seksyen 5D Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, jika tiada rakan perniagaan yang masih hidup atau orang yang bertanggungjawab bagi perniagaan itu, wakil peribadi atau waris kepada rakan perniagaan yang mati itu hendaklah dalam tempoh 4 bulan dari tarikh kematian memberitahu Pendaftar dengan Borang C.

72. Berapakah bayaran yang dikenakan bagi Penamatan Perniagaan?

Tiada bayaran yang dikenakan.

73. Adakah pemilik perniagaan perlu mengisi Borang C jika Pendaftaran Perniagaan telah tamat tempoh?

Pemilik perniagaan tidak perlu mengisi Borang C bagi perniagaan yang telah tamat tempoh. Walau bagaimanapun pemilik perniagaan boleh memohon **Pengesahan Penamatan Perniagaan** di pejabat SSM dengan bayaran RM 10.00 bagi setiap perniagaan.

PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN

74. Bagaimana memperbaharui Pendaftaran Perniagaan?

Pemilik perniagaan boleh membuat permohonan pembaharuan pendaftaran perniagaan dengan mengisi **Borang A1** beserta bayaran yang ditetapkan RM30.00 (penggunaan nama sendiri) dan RM60.00 (penggunaan nama tred) setahun. Pembaharuan boleh dibuat bagi tempoh satu hingga lima tahun. Borang tersebut boleh diserahkan melalui:

- (i) perkhidmatan E-Lodgement; atau
- (ii) serahan di kaunter SSM; atau
- (iii) hantar melalui pos.

75. Bila pembaharuan Pendaftaran Perniagaan perlu dibuat?

Permohonan perlu dibuat dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh tamat tempoh pendaftaran perniagaan.

76. Bolehkah Pendaftaran Perniagaan yang telah tamat tempoh diperbaharui menggunakan perkhidmatan E-lodgement?

Tidak boleh. Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan yang telah tamat tempoh sah laku hanya boleh dibuat di pejabat SSM. Bagaimanapun ia terhad hanya bagi tempoh yang tidak **melebihi** 12 bulan dari tarikh tamat pendaftaran.

77. Berapakah bayaran yang dikenakan bagi memperbaharui Pendaftaran Perniagaan?

Perniagaan milik tunggal menggunakan nama diri mengikut kad pengenalan – RM 30.00 setahun

Perniagaan milik tunggal menggunakan nama tred – RM 60.00 setahun

Perkongsian – RM 60.00 setahun

Pembaharuan pendaftaran cawangan – RM 5.00 setiap cawangan setahun

78. Berapakah tempoh pembaharuan Pendaftaran Perniagaan yang boleh dipohon?

Permohonan pembaharuan pendaftaran perniagaan boleh dibuat untuk tempoh 1 sehingga 5 tahun.

79. Bolehkah perniagaan yang dikenakan kompaun ataupun yang telah disenaraihitamkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia membuat pembaharuan melalui perkhidmatan E-Lodgement?

Tidak boleh. Bagi perniagaan yang dikenakan kompaun atau yang telah disenaraihitamkan oleh SSM, pemilik perniagaan perlu datang ke kaunter SSM bagi pembaharuan Pendaftaran Perniagaan.

FAQ BUSINESS V.1

MBDD: as at 14/5/2008